

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada *stakeholders* dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi topik-topik berikut:

- Kajian kes impak Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) di lapangan bagi Negeri Negeri Selangor, Perak Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Penafian:

Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman di Selangor masih berjalan lancar

- Pemerhatian di sekitar Klang, Kuala Langat, Shah Alam, Kuala Selangor, Rawang, Bukit Beruntung, Bangi dan Cyberjaya telah mendapati operasi perniagaan adalah seperti berikut:



- ❖ Penjaja tepi jalan: Tutup
- ❖ Gerai / Warung (sarapan): 5%-10% dibuka
- ❖ Restoran: 80% - 90% dibuka.
- ❖ Restoran Makanan Segera: 100% dibuka (segelintir tutup awal)



- Perkhidmatan penghantaran makanan didapati berjalan seperti biasa dan ada kala mendapat permintaan tinggi di kalangan orang ramai terutama waktu makan tengahari.




- Pengusaha makanan menggunakan media sosial dan telefon dalam menerima tempahan daripada pelanggan dan membuat perkhidmatan penghantaran makanan.



- Kebanyakan restoran India Muslim dan kedai makan orang Cina masih membuka premis perniagaan sepanjang tempoh PKP.

IMPAK INDUSTRI PENGANGKUTAN

Pengusaha Bas



- Perkhidmatan bas di Selangor dihentikan sementara selaras dengan PKP. Waktu operasi perkhidmatan **RAPID KL** telah dihadkan iaitu tiada perkhidmatan di antara jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang.
- **Konsortium Transnasional Berhad (KTB)** telah menangguhkan semua perjalanan bermula 22 hingga 31 Mac 2020.
- Perkhidmatan Bas di KLIA & Cyberjaya turut ditangguhkan bermula 23 Mac 2020

Pendapatan Pemandu teksi dijangka menurun sebanyak 50% selepas PKP dilaksanakan.



Pengusaha Teksi & e-hailing

- Perkhidmatan teksi dan e-hailing di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) masih berjalan seperti biasa.
- Berdasarkan pemerhatian dan temubual, kurang daripada 50% pemandu teksi dan e-hailing yang beroperasi di LTSAAS dan KLIA.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan pengurangan perkhidmatan bas awam.

↓ Pendapatan
70%-80%

Makanan dan Minuman

- Restoran makanan segera masih menawarkan perkhidmatan *take away*.
- Namun restoran masakan panas yang didominasi pengusaha telah menutup operasi.
- Nilai jualan dijangka merosot 70% hingga 80%

↓ Pendapatan
75%-85%


Pengangkutan

- Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan pengurangan perkhidmatan bas awam sebanyak 70%
- Perkhidmatan bas CAT pula dikurangkan 50%
- Dijangkakan pendapatan menurun 75% hingga 85%.

↓ Pendapatan
35%-55%

Peruncitan

- Pendapatan aktiviti peruncitan dijangka menurun di antara 35% ke 55% berikutan kurang pelanggan yang hadir (hanya ketua keluarga/wakil keluarga) dan perbelanjaan tertumpu kepada barangan keperluan asas sahaja
- Manakala di Penang Sentral semua premis ditutup
- Pendapatan dijangka menurun 40% hingga 60%



Terdapat lebih pengeluaran produk pertanian di Perlis



TANAMAN Sayur-sayuran

- Jabatan Pertanian Perlis memaklumkan terdapat **lebih pengeluaran** pada 25 Mac 2020 antaranya Cili (210 kg), Terong (200 kg), Bendi (690 kg) dan Peria (352 kg)
- Aktiviti penanaman baharu tidak dapat dilaksanakan pada masa sekarang berikutan kebanyakan sumber air kering kerana cuaca panas yang berpanjangan



TANAMAN Buah-buahan

- Anggaran pengeluaran **buah Harumanis** sehingga 14 April 2020 berdasarkan rekod balut buah bagi 8 Agen Pengembangan Tanaman (APT) keseluruhannya adalah sebanyak 51,907 kg.
- Petani mencari pelbagai alternatif bagi memasarkan hasil pertanian seperti jualan online dan COD. Selain daripada itu, Jabatan Pertanian dan pihak FAMA membantu dalam pemasaran



PENGINAPAN

- Pendapatan aktiviti **Penginapan** di Perlis dijangka menurun lebih tinggi pada bulan Mac 2020 iaitu 74.8% berbanding 30% pada bulan sebelum tahun yang sama.
- Penurunan ini disumbang oleh ketiadaan pengunjung atau tempahan diterima sejak mula pelaksanaan PKP.



Food Trucks

- Aktiviti perkhidmatan **food trucks** pada bulan Mac 2020 mencatatkan penurunan sebanyak 25% berbanding bulan sebelum tahun yang sama.
- Sebahagian mereka yang terlibat dengan aktiviti food trucks ini bergantung penuh kepada aktiviti jualan makanan dan akan memberi impak yang lebih besar jika PKP dilanjutkan.



Pengusaha Bas Sekolah di Kedah terjejas teruk akibat COVID-19

- Pengusaha bas sekolah memaklumkan pendapatan mereka terjejas teruk kerana hampir 70% waris pelajar masih belum membuat pembayaran yuran bagi bulan Mac 2020.
- Selain itu, pendapatan pengusaha bas ekspres telah menurun sehingga 50% di mana pada hari-hari biasa, terdapat sehingga 12 trip sehari dan semakin berkurang sejak penularan wabak COVID-19.
- Pengusaha lori sewa juga memaklumkan pendapatan mereka menurun di antara 30 - 45% bagi bulan Mac 2020. Jika sebelum PKP, pergerakan setiap lori adalah sebanyak 5 kali seminggu tetapi telah berkurang kepada 2 kali seminggu di sepanjang PKP.



Stesen minyak

- Stesen minyak di Negeri Kedah masih beroperasi seperti biasa namun kebanyakannya akan memendekkan waktu operasi.
- Menjangkakan nilai jualan bagi bulan Mac 2020 akan menurun sehingga 60% - 70%.
- Setakat ini, tiada laporan pekerja yang diberhentikan walaupun tempoh operasi disingkatkan. Ada beberapa stesen minyak yang mengurangkan bilangan pekerja yang bekerja pada setiap hari.



Makanan dan Minuman

- Pengusaha makanan dan minuman di Kedah melaporkan nilai jualan mereka telah menurun di antara 50% - 90% berbanding sebelum ini.
- Peniaga juga terpaksa mengurangkan menu jualan dan hanya fokus kepada menu yang mendapat permintaan yang tinggi sahaja bagi mengelakkan mereka dibebani dengan kerugian.
- Ada juga peniaga yang mempromosi jualan mereka di media sosial dan menyediakan khidmat penghantaran (COD) tetapi agak terbatas.

Pendapatan Perkhidmatan Feri di Perak merosot...

Perkhidmatan Feri

- ❖ Akses feri ke pulau hanya dibuka melalui Jeti Lumut manakala Jeti Marina Island ditutup kepada penumpang bermula 21 Mac 2020. Jeti Marina Island hanya dibuka untuk kes-kes kecemasan melibatkan agensi kerajaan, contohnya menghantar pesakit ke Hospital Seri Manjung menggunakan bot ambulans KKM.
- ❖ Feri penumpang ke Pulau Pangkor dan sebaliknya juga dihadkan kepada 6 kali trip perjalanan (pergi dan balik) sepanjang tempoh kuarantin berbanding 24 trip perjalanan (pergi dan balik) sebelum ini, iaitu penurunan sebanyak 75% operasi perkhidmatan feri.
- ❖ Susulan daripada larangan semua pelancong dan pelawat luar daripada memasuki Pulau Pangkor berkuatkuasa 24 Mac sehingga 31 Mac 2020, syarikat feri yang beroperasi dijangka akan terus mengalami kerugian berikutan pengurangan jumlah penumpang harian kepada lebih 90%.

Peniaga pasar malam/pasar tani

- *Food Truck* (bumiputera) di kawasan Rehat dan Rawat (RnR) melaporkan hasil merosot sebanyak 40% hingga 50% daripada anggaran pendapatan RM15,000 sebulan.
- Penjual kuih di pasar pagi memperoleh pendapatan harian antara RM75 hingga RM100 sehari menyuarakan sumber pendapatan 100% terjejas bagi tempoh PKP berikutan peniagaan tidak beroperasi. Nasib yang serupa dialami oleh seorang peniaga warga emas yang turut menutup peniagaan menjual kuih buat sementara waktu kerana enggan mengambil sebarang risiko atas faktor usia.

Aktiviti pembuatan makanan

- Kajian kes secara rambang ke atas beberapa pengusaha Bumiputera yang terlibat dalam aktiviti pembuatan makanan seperti *frozen food* dan makanan kering (seperti kerepek dan bahu) melaporkan mengalami anggaran kerugian sekitar 70% hingga 90% sepanjang tempoh PKP.

